

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Doktor bertugas selepas waktu pejabat dapat elaun

Berkuat kuasa serta-merta kadar ditetapkan RM80 sejam

Kuala Lumpur: Pegawai perubatan yang diarah bertugas selepas waktu pejabat (membuat lokum) di klinik kesihatan kini boleh menuntut Elaun Lokum pada kadar RM80 sejam berkuat kuasa serta-merta.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata perkara itu baharu sahaja diputuskan, sekali gus menyelesaikan isu yang menjadi persoalan dalam kalangan pegawai perubatan sebelum ini.

"Timbul isu tentang bayaran elaun untuk doktor yang membuat lokum dan kami telah memohon dan baru sahaja mendapat kelulusan untuk setiap doktor yang membuat lokum dibayar elaun mereka untuk jam yang mereka lakukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyaksikan majlis tandatangan memorandum persefahaman (MoU) antara Kementerian Kesihatan (KKM) dan IHH Healthcare Malaysia, di sini semalam.

Memorandum berkenaan ditandatangani Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM, Datuk Seri Norazman Ayob dan Ketua Pegawai Eksekutif IHH Healthcare Malaysia, Jean Francois Naa dengan disaksikan Dr Dzulkefly serta Pengerusi IHH Healthcare Malaysia, Tan Sri Mo-



Dr Dzulkefly meninjau peralatan perubatan yang disediakan di Hospital Gleneagles selepas majlis tandatangan MoU antara KKM dan IHH Healthcare Malaysia, semalam. (Foto Eiziri Shamsudin/BH)

ammed Azlan Hashim.

Sebelum ini, KKM dalam kenyataan memaklumkan pelaksanaan projek rintis pemanjangan waktu operasi klinik berdekatan hospital pada tahun lalu, sudah diteliti dan permohonan untuk meneruskan pembayaran elaun lokum sedang dalam pertimbangan Agensi Pusat.

Sedia rawatan pesakit kanser

Menurut kenyataan itu, pegawai perubatan yang diarah bertugas pada Sabtu dan hari kelepasan masih layak menuntut Elaun Lokum, manakala pada Ahad membabitkan waktu bekerja mulai jam 9 pagi hingga 1 tengah hari boleh menuntut cuti gantian tertakluk kepada kelulusan ketua jabatan.

Mengenai majlis berkenaan,

Dr Dzulkefly berkata, KKM memperbaharui MoU dengan IHH Healthcare Malaysia untuk menyediakan penjagaan dan rawatan kepada tambahan 500 pesakit kanser dari hospital KKM.

Katanya, pesakit berkenaan akan mendapatkan rawatan radioterapi dan radiosurgeri di rangkaian hospital IHH Healthcare Malaysia, antaranya Hospital Pantai, Hospital Gleneagles dan Pusat Perubatan Prince Court secara percuma bermula 1 Mac.

"MoU ini turut menyokong Pelan Strategik Kawalan Kanser Kebangsaan (2021-2025) untuk meluaskan akses kepada penjagaan dan rawatan bagi pesakit kanser di negara ini," katanya.

Dalam pada itu, Dr Dzulkefly memberi jaminan kementerian akan menjalankan siasatan

terhadap dakwaan berhubung kehadiran bahan kimia pengganggu endokrin (EDC) dalam kosmetik dan produk penjagaan diri.

Katanya, KKM akan mengambil tindakan sewajarnya untuk menangani isu itu bagi mengelakkan kesan yang teruk terhadap kesihatan awam.

"Kita pasti akan mengambil serius isu ini berikutan produk sedemikian boleh menjejaskan kesihatan awam memandangkan EDC mempunyai potensi untuk mengganggu sistem hormon.

"Penggunaan produk ini berupaya memberi kesan akut dan jangka panjang dan kita mesti mengambil perhatian terhadapnya.

"Sehubungan itu, kita akan melaksanakan siasatan mendalam mengenainya," katanya.

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 30
RUANGAN : DUNIA

Singapura hadapi ancaman virus Zika

Singapura: Pihak berkuasa sedang memantau penularan Zika di Boon Lay Place selepas mendapati ujian mengenai nyamuk dan air sisa di kawasan itu menemui tanda virus terbabit.

Terdapat satu kes Zika dilaporkan di Boon Lay Place pada Disember 2023, tetapi tiada kes dikesan sejak itu, kata Kementerian Kesihatan (MOH) dan Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) dalam satu kenyataan bersama pada 22 Februari.

"Walaupun MOH dan NEA meningkatkan langkah kawalan berjaga-jaga, kami tidak boleh menolak kemungkinan ada lebih kes (Zika), kerana kebanyakan orang yang dijangkiti mungkin menunjukkan gejala ringan atau tiada gejala," katanya.

Menurut kenyataan sama, MOH memaklumkan doktor supaya menguji pesakit yang menunjukkan gejala dikaitkan dengan Zika, terutama mereka yang tinggal atau bekerja di kawasan Boon Lay.

Penduduk di persekitaran kawasan berkenaan, khususnya wanita hamil, turut dinasihat-



Kakitangan perubatan melakukan semburan ubat nyamuk bagi membendung penularan nyamuk Aedes yang membawa virus denggi dan Zika. (Foto AFP)

kan supaya melindungi diri dan memantau kesihatan mereka.

"Mereka harus mendapatkan rawatan perubatan jika tidak sihat dan mempunyai gejala jangkitan virus Zika, termasuk ruam, demam, sakit sendi, sakit otot, sakit kepala, konjunktivitis atau mata merah," kata kenyataan itu.

Pesakit juga harus memaklumkan kepada doktor mereka

mengenai lokasi kediaman dan tempat kerja mereka.

Agresif bendung pentiaran

Seperti virus denggi, virus Zika terutama menular melalui gigitan nyamuk Aedes yang dijangkiti. Ia juga boleh disebarkan daripada wanita hamil kepada janinnya atau melalui hubungan seks.

Sejak November 2023, NEA sudah menjalankan operasi kawalan nyamuk secara intensif di kawasan Boon Lay, tempat di mana kes denggi turut dilaporkan.

Usaha untuk membendung virus itu, termasuk menyembur racun serangga di taman perumahan serta pemeriksaan dan pembunuhan jentik-jentik nyamuk di kawasan umum dilakukan untuk memusnahkan sebarang pembiakan nyamuk.

"Penduduk digesa membenarkan pegawai NEA memeriksa premis mereka dan menyembur racun serangga bagi pembunuhan segera nyamuk dewasa, sekali gus menghentikan rantaian penularan Zika," kata kenyataan itu.

Walaupun jarang berlaku, jangkitan daripada virus Zika juga boleh menyebabkan mikrosefali pada bayi dalam kandungan wanita hamil.

Mikrosefali adalah keadaan yang menyebabkan saiz kepala bayi baru lahir lebih kecil atau tidak membesar lagi.

Tiga kes Zika dikesan di Singapura pada 2024 sehingga 8 Februari. AGENSI

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEGARA



SAMANTHA (dua dari kanan) bersama Micheal (dua dari kiri) menunjukkan gambar silikon selepas dibuang dalam pembedahan di luar negara di pejabat MCA di Jalan Ampang, Kuala Lumpur semalam.

Tahan sakit lima tahun selepas payudara mengeras

Silikon bawa derita

Oleh NUR FATIN ZAHRA

KUALA LUMPUR – Impian seorang wanita untuk memiliki payudara menawan dengan menyuntik silikon berkecai apabila anggota badan itu menjadi keras hingga terpaksa hidup dalam kesakitan selama lima tahun sebelum diselamatkan pasukan perubatan di luar negara.

Samantha, 48, berkata, dia menyuntik silikon itu di sebuah klinik di Lembah Klang 20 tahun lalu dengan kos RM5,000 selepas termakan pujukan pekerja mereka ketika datang untuk membuat rawatan muka.

Kata perunding jualan itu, dia bersetuju untuk menyuntik silikon pada payudaranya selepas pekerja klinik mengatakan ia boleh membuatnya tampil lebih muda, cantik dan seksi.

"Pada mulanya, segalanya berjalan lancar tetapi selepas tujuh tahun, secara tiba-tiba payudara saya mula mengeras hingga membuatkan saya takut.

"Lebih mencemaskan apabila terdapat ketulan besar pada payudara yang membuatkan saya terfikir adakah saya sudah ada kanser. Saya menderita kesakitan yang teruk hingga tidak dapat tidur malam," katanya ketika ditemui di Jabatan

“

Saya melakukan pemeriksaan mamogram dan imbasan ultrabunyi tetapi doktor tidak menemui apa-apa penyakit dan mengatakan semuanya nampak normal.”

Perkhidmatan Awam dan Aduan MCA di Jalan Ampang di sini semalam.

Hadir sama, ketua jabatan itu, Datuk Seri Michael Chong.

Menurut Samantha, dia pernah melakukan rawatan alternatif seperti berurut untuk mengurangkan kesakitan yang dialami selepas disarankan oleh rakan-rakan tetapi masih gagal untuk mengubati sakit payudaranya yang mengeras.

Tambahnya, dia kemudian terpaksa membuat keputusan untuk berjumpa doktor pakar selepas tidak tahan lagi menanggung kesakitan untuk pemeriksaan lanjut pada 2022.

"Saya melakukan pemeriksaan mamogram dan imbasan ultrabunyi tetapi doktor tidak menemui apa-apa penyakit dan

mengatakan semuanya nampak normal," katanya.

Ujar Samantha, dia kemudian membuat rujukan dengan pakar lain dan melakukan imbasan pengimejan resonans magnetik pada awal tahun ini.

"Ketika itulah doktor mengesan sesuatu dan memberitahu sama ada hendak membuang kedua-dua payudara atau menahan sakit sahaja," katanya.

Menurut Samantha, dia yang kecewa dengan penjelasan itu kemudian melakukan pembedahan di luar negara pada 23 Januari lalu untuk membuang semua silikon pada payudaranya yang memakan belanja RM25,000.

"Mujuir saya disahkan tidak menghidap kanser dan paling penting saya boleh menjalani hidup normal seperti biasa," katanya.

Sehubungan itu, Samantha menasihati orang ramai supaya tidak terpedaya dengan rawatan suntikan silikon yang diiklankan secara terbuka di media sosial dan membuat rujukan dengan pakar bertauliah.

"Jangan pergi pada pakar kecantikan atau beautician yang kononnya ingin bantu anda nampak cantik dan muda," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

Khidmat perubatan disediakan 7 hospital swasta kepada penghidap kanser mulai 1 Mac 500 pesakit terima rawatan percuma

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH
KHAIRUL

KUALA LUMPUR – Seramai 500 pesakit kanser dari hospital kerajaan bakal menerima rawatan secara percuma di hospital swasta yang diselia IHH Healthcare Berhad bermula 1 Mac ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pesakit-pesakit ini akan dikenal pasti oleh pakar-pakar KKM yang ditetapkan untuk menerima rawatan di tujuh hospital IHH Malaysia yang dilengkapi dengan mesin Gamma Knife dan Linear Accelerator.

Menurutnya, tawaran rawatan percuma itu dicapai menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani Kementerian Kesihatan (KKM) dan IHH Healthcare semalam.

"Dengan MoU yang telah diperbaharui, IHH Malaysia akan menaja rawatan radioterapi dan radiosurgeri bagi tambahan 500 pesakit kanser yang sedang menjalani rawatan di hospital KKM mulai 1 Mac 2024," katanya di sini semalam.

Sebelum ini, IHH Healthcare telah membantu merawat 500



DR. Dzulkefly (tiga dari kiri) ketika mengadakan lawatan kerja di Hospital Gleneagles, Kuala Lumpur semalam.

pesakit kanser menggunakan teknologi terkini dalam MOU terdahulu bagi tempoh 1 Oktober 2022 hingga 29 Februari lalu.

Dalam pada itu, Dr. Dzulkefly

memberitahu, tiga buah hospital di bawah IHH Healthcare akan terlibat dalam program itu ialah Hospital Pantai, Hospital Gleneagle dan Pusat Perubatan Prince

Court.

Terdahulu, beberapa pakar kesihatan meramalkan penghidap kanser di Malaysia bakal meningkat dua kali ganda men-

jelang tahun 2040.

Statistik menunjukkan, terdapat kira-kira 48,639 penghidap kanser baharu dan 29,530 kematian akibat kanser dilaporkan pada tahun 2020.

Mengulas mengenai perkara tersebut, Dr. Dzulkefly berkata, mengikut laporan Jabatan Perangkaan 2023, kanser adalah punca kematian keempat utama di Malaysia iaitu meningkat daripada 10.5 peratus pada 2021 kepada 12.6 peratus pada 2022.

Katanya, kanser payudara, kanser kolorektal, kanser paru-paru, limfoma dan kanser hati adalah lima teratas dengan jumlah kematian tertinggi dalam tempoh tersebut.

"Berdasarkan Fakta Kesihatan Malaysia 2023, kanser menyumbang 26.44 peratus daripada kematian di hospital swasta dan 9.29 peratus di hospital kerajaan.

"Kira-kira 1 dalam 10 orang di Malaysia mungkin didiagnosis dengan kanser. KKM mengutamakan penjagaan kanser untuk memastikan orang ramai menerima penjagaan holistik tepat pada masanya tanpa sebarang kekangan kewangan," ujarnya.

Pegawai perubatan dibayar Elaun Lokum RM80 sejam

KUALA LUMPUR – Pegawai perubatan yang diarah bertugas pada hari Sabtu dan hari Kelepasan am layak menuntut Elaun Lokum pada kadar RM80 sejam berkuat kuasa serta merta.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, perkara itu baharu sahaja diputuskan dan ia sekali gus menyelesaikan isu yang menjadi persoalan dalam kalangan pegawai

perubatan sebelum ini.

"Timbul isu bayaran elaun untuk doktor yang membuat lokum (kerja lebih masa), saya perhatikan ramai yang memohon dan baru sahaja (Kementerian Kesihatan) mendapat kelulusan untuk doktor-doktor yang membuat lokum dibayar elaun RM80 sejam.

"Itu adalah satu berita baik yang saya bendak sampaikan,"

katanya di sini semalam.

Sementara itu pegawai perubatan yang bertugas pada hari Ahad membabitkan waktu bekerja mulai pukul 9 pagi hingga 1 petang, boleh menuntut cuti ganti tertakluk kepada kelulusan ketua jabatan.

Terdahulu, KKM dalam kenyataan berkata, pelaksanaan projek rintis pemanjangan waktu operasi klinik berdekatan

hospital pada tahun lalu telah diteliti dan permohonan untuk meneruskan pembayaran Elaun Lokum menjadi pertimbangan agensi pusat.

Menurut kenyataan itu, projek rintis tersebut telah dilaksanakan bermula 25 Mac hingga 31 Disember tahun lalu, selepas mengambil kira isu kesesakan di hospital.

Tambah kenyataan itu, pega-

wai perubatan yang bertugas pada hari Ahad diberi kelulusan khas secara bertempoh dalam projek rintis, bagi membolehkan Elaun Lokum dibayar sekiranya mereka diarah bertugas secara lokum.

Selain itu, pegawai farmasi dan juru X-ray dalam kumpulan pengurusan dan profesional juga diberi pemanjangan Elaun Lokum pada kadar yang berbeza.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NASIONAL

Elaun Lokum akan dibayar serta-merta

Pegawai perubatan bertugas Sabtu dan Hari Kelepasan Am layak terima Elaun Lokum RM80 per jam

Oleh MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI
KUALA LUMPUR



DR DZULKEFLY

Pegawai perubatan yang diarah bertugas pada Sabtu dan Hari Kelepasan Am layak menerima Elaun Lokum pada kadar RM80 per jam.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, perkara itu telah diperhalusi dan diberi kelulusan untuk dibayar Elaun Lokum pada kadar segera.

"Timbul isu bayaran elaun bagi doktor yang membuat Elaun Lokum, saya perhatikan ramai yang memohon dan baru sahaja dapat kelulusan untuk doktor yang membuat lokum dibayar elaun mereka.

"Pada setiap per jam yang dilakukan, (ia boleh dituntut) serta-merta," katanya pada sidang media selepas menyaksikan sesi memorandum persefahaman (MoU) antara IHH Healthcare Malaysia (IHH Malaysia) dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ia bagi memperbaharui MoU untuk menyediakan rawatan kanser percuma bagi 500 pe-

sakit dari hospital kerajaan di Hospital Gleneagles di sini pada Jumaat.

KKM dalam satu kenyataan sebelum ini memaklumkan, pegawai perubatan yang diarah bertugas pada Sabtu dan Hari Kelepasan Am masih layak menuntut Elaun Lokum, manakala pada hari Ahad membabitkan waktu bekerja mulai jam 9 pagi hingga 1 petang, boleh menuntut cuti gantian tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.

Terdahulu, KKM juga telah memaklumkan pelaksanaan projek rintis pemanjangan waktu operasi klinik berdekatan hospital pada tahun lalu telah diteliti dan permohonan untuk meneruskan pembayaran Elaun Lokum, sedang dalam pertimbangan.

Tambah Dr Dzulkefly, maklumat terbaharu itu akan memberi kelegaan kepada mereka yang terlibat.

"Ini merupakan berita baik kepada (pegawai perubatan) yang berkenaan," tambahnya lagi.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 28
RUANGAN : NEGERI

Kira-kira 200 penduduk
hadir mendapatkan
pemeriksaan kesihatan
setiap bulan

GUA MUSANG

Masyarakat Orang Asli yang menetap di pedalaman Pos Hau, amat bergantung kepada klinik bergerak ditawarkan Pasukan Bergerak Orang Asli (PBOA) Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Gua Musang.

Ia diakui pesakit kencing manis, Hamidah Anam, 47, dari Kampung Galang di Pos Hau, yang bersyukur perkhidmatan ditawarkan PBOA membolehkan wanita Orang Asli sepertiya melakukan pemeriksaan berkala termasuk memeriksa tahap gula dalam darah.

"PBOA akan datang ke kampung ini sebulan sekali dan biasanya penduduk sudah dimaklumkan mengenai tarikh kedatangan mereka.

"Selain mendapatkan ubat untuk diri sendiri, saya akan pastikan anak lelaki yang menghidap penyakit paru-paru atau asma juga datang apabila klinik bergerak ini dibuka. Perkhidmatan kesihatan diberikan PBOA memang memudahkan kami masyarakat Orang Asli Temiar yang tinggal di pedalaman," katanya ketika di-

Klinik bergerak PBOA beri sinar kepada Orang Asli



Penduduk Orang Asli menunggu giliran untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan oleh PBOA PKD Gua Musang.

temui Bernama di Pos Hau, baru-baru ini.

Terdahulu, Pos Hau yang menempatkan 12 kampung dihuni kira-kira 1,300 penduduk adalah salah satu daripada empat penempatan Orang Asli di bawah bidang kuasa PBOA PKD Gua Musang.

Untuk ke Pos Hau, unit PBOA perlu menggunakan jalan ladang dan balak de-

ngan lokasi paling jauh ialah di Kampung Tapai manakala Kampung Ladoi merupakan penempatan paling tinggi terletak kira-kira 829 meter dari aras laut.

Bagi penduduk Kampung Gertas, Sjojah Along, 30, mengakui klinik bergerak PBOA memudahkan pemeriksaan terhadap bayi lelakinya, Shaquan Ardyan

Jibon yang berusia lima bulan.

"Selepas melahirkan anak, saya berpantang di unit Rumah Inap Kesihatan Orang Asli (RIKA) Gua Musang sebelum pulang ke rumah selepas selesai tempoh berpantang," katanya.

Sementara itu, Pegawai Perubatan PBOA PKD Gua Musang, Dr Muhammad Aiman Aziz berkata, secara purata kira-kira 200 penduduk kampung hadir setiap kali klinik bergerak dibuka.

"Selain pemeriksaan kesihatan ibu dan anak, kami turut menawarkan pemeriksaan saringan diabetes, ibu hamil, bacaan tekanan darah dan rawatan pesakit luar.

"Sekiranya ada keperluan pesakit dibawa ke Hospital Gua Musang, kami akan bawa keluar dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) atau Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) yang akan melakukan penerbangan pemindahan perubatan (Medevac)," katanya.

Katanya, antara ubatan yang kerap diminta penduduk terutama kanak-kanak adalah ubat demam dan vitamin.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Elaun Lokum naik RM80 sejam

Oleh **NURUL IRDINA SUMALI**
irdina.sumali@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Pegawai perubatan yang diarahkan bertugas selepas waktu pejabat (membuat lokum) di klinik kesihatan kini boleh menuntut Elaun Lokum pada kadar RM80 sejam yang berkuat kuasa serta-merta.

Sebelum ini, kadar bayaran yang diberi adalah sebanyak RM9.16 sejam iaitu lebih rendah berbanding elaun lebih masa pekerja restoran makanan segera sekitar RM10 sejam atau upah pembersih rumah RM20 sejam.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

Dalam Negeri

Minda Pengarang

ISMAIL DAUD



Rokok: Jangan keras sangat!

APABILA Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad menyatakan kesediaan mempertimbangkan ruang khas merokok khususnya di premis makanan dan di tempat awam, ada yang menyokong dan ada juga yang mempersoalkan kewajarannya. Ini memang dijangka.

Tetapi apa yang menarik ialah Dr. Dzulkefly berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) tidak mahu terlalu rigid dengan sebarang peraturan yang diwujudkan dan sedia mendengar cadangan atau keluhan semua pihak.

Sejak larangan merokok di tempat awam dikuatkuasakan pada 2019 lalu, perokok terpaksa akur. Walaupun ada pihak yang cuba mencabar larangan itu tetapi keputusan mahkamah tidak memihak kepada mereka.

Cuma yang kita tidak tahu ialah adakah jumlah perokok di negara ini menurun sejak larangan itu dikuatkuasakan. Yang pasti, ribuan perokok sudah dikompaun.

Memang diakui rokok adalah salah satu ancaman kesihatan awam terbesar. Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mengumpamakan terbang ke Marikh adalah lebih mudah daripada melawan pemain industri tembakau.

Terdapat kira-kira 1.3 bilion perokok atau 22.3 peratus daripada keseluruhan penduduk dunia dengan 80 peratus daripada mereka berada di negara miskin dan membangun. Daripada jumlah itu, empat juta orang berada di Malaysia.

Kajian menunjukkan kira-kira 60 peratus perokok berazam mahu berhenti tetapi tidak ramai yang berjaya. Ketagihan nikotin memang sukar dilawan.

Namun, kajian juga menunjukkan nikotin bukanlah punca utama kematian akibat merokok. Nikotin yang juga terdapat dalam kentang dan tomat hanyalah punca ketagihan. Nikotin juga ada 'kebaikannya' termasuk dalam mempengaruhi fungsi kognitif tubuh seperti daya tumpuan, pembelajaran dan ingatan.

Isu rokok juga sangat kompleks untuk ditangani dan tidak sama di antara negara. Kaedah yang digunakan juga tidak boleh sama kerana latar belakang dan pendidikan masyarakat yang berbeza.

Dalam satu forum rokok elektronik di London baru-baru ini, pakar-pakar berpendapat, masalah rokok tidak sesuai ditangani menerusi undang-undang yang keras. Kata mereka, melawan ketagihan dengan kekerasan undang-undang tidak akan berjaya.

Masalah rokok juga tidak boleh diselesaikan dengan menaikkan cukai tembakau. Langkah itu hanya akan meningkatkan penyeludupan. Nielsen Inc. dalam laporan Kajian Rokok Haram (ICS) di Malaysia mendapati, kadar rokok haram di negara ini pada 2022 adalah 56.6 peratus, salah satu yang tertinggi di dunia.

Justeru, beberapa negara seperti United Kingdom dan New Zealand sudah memulakan langkah yang lebih lembut. Antaranya ialah mengisytiharkan inisiatif bebas asap rokok yang disasar dicapai dalam tempoh tertentu dan menggalakkan alternatif kepada rokok.

Semua usaha itu mengambil masa yang panjang tetapi sudah nampak sedikit kejayaan. Laporan terbaharu menyatakan bahawa jualan rokok di seluruh dunia jatuh 8.3 peratus tahun lalu manakala perolehan daripada jualan peranti pengganti rokok bagi sebuah syarikat tembakau terkemuka sudah melebihi jualan jenama utama rokok mereka.

Sebab itu, apabila KKM mahu melonggarkan sedikit peraturan terhadap perokok, kita patut sokong. Dalam masa yang sama, KKM perlu meningkatkan strategi intervensi untuk membantu orang ramai berhenti merokok atau beralih kepada kaedah yang lebih sihat.

Kaedah lain seperti pendidikan berterusan, kempen antirokok, penguatkuasaan terhadap rokok seludup dan sekatan akses generasi muda terhadap tembakau termasuk vape juga perlu dipertingkatkan. Kajian saintifik yang terbukti mampu mengurangkan bahaya tembakau juga perlu diambil kira dalam usaha itu.

Sementara itu, kita tunggu apa keputusan Kementerian Kesihatan berhubung ruang khas merokok.

Ismail Daud ialah Pengarang Berita Kanan Utusan Malaysia.



DATUK Seri Dr. Dzulkefly Ahmad (tengah) merasmikan Majlis Memorandum antara Kementerian Kesihatan dan IHH Healthcare Malaysia di Hospital Glen Eagles, Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/AMARULLAH ZAINUZZAMAN

Elaun Lokum naik RM80 sejam

Dari muka 1

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, perkara itu (bayaran elaun) baru sahaja diputuskan, sekali gus menyelesaikan isu yang menjadi perhatian dan menimbulkan pelbagai persoalan dalam kalangan pegawai perubatan sebelum ini.

Terdahulu, golongan tersebut mengeluh apabila menyifatkan kadar bayaran yang ditetapkan adalah terlalu rendah, tidak beraloi dengan bebanan tugas yang dilakukan.

"Sebelum ini, timbul isu tentang bayaran elaun untuk doktor yang membuat lokum menyebabkan kami membuat permohonan untuk meneliti kadar bayaran tugas tersebut.

"Kami baru sahaja dimaklumkan bahawa sudah dapat kelulusan bagi setiap doktor yang membuat lokum untuk menerima bayaran elaun mengikut berapa jam mereka bertugas.

"Mereka akan menerima bayaran sebanyak RM80 sejam dan itu adalah berita baik yang saya hendak sampaikan," katanya kepada pemberita selepas Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan IHH Healthcare

Malaysia, di sini semalam.

Selain itu, pegawai perubatan yang diarah bertugas pada hari Sabtu dan Hari Kelepasan Am masih layak menuntut Elaun Lokum, manakala pada hari Ahad membabitkan waktu bekerja mulai pukul 9 pagi hingga 1 petang, doktor yang terlibat boleh menuntut cuti gantian tertakluk kepada kelulusan ketua jabatan.

KKM sebelum ini menerusi kenyataan memaklumkan, pelaksanaan projek rintis pemanjangan waktu operasi klinik berdekatan hospital pada tahun lepas sudah diteliti dan permohonan untuk meneruskan pembayaran elaun lokum masih dalam pertimbangan agensi pusat.

Menurut KKM, projek rintis tersebut dilaksanakan bermula 25 Mac hingga 31 Disember 2023, selepas mengambil kira isu kesesakan di hospital.

"Dalam tempoh ini, pegawai perubatan yang bertugas pada hari Ahad diberi kelulusan khas secara bertempoh dalam projek rintis, bagi membolehkan Elaun Lokum dibayar sekiranya mereka diarahkan bertugas secara lokum.

"Pegawai farmasi dan juru X-ray dalam kumpulan pengurusan dan profesional juga diberi pemanjangan Elaun Lokum pada kadar yang berbeza,"

menurut kenyataan itu.

Dalam pada itu, mengenai majlis berkenaan, KKM bersama IHH Healthcare akan menyediakan rawatan kanser secara percuma di hospital swasta melibatkan 500 pesakit.

Menurut Dr. Dzulkefly, pesakit akan dikenal pasti oleh pakar KKM yang ditetapkan untuk menerima rawatan di tujuh hospital IHH Malaysia yang dilengkapi dengan mesin Gamma Knife dan Linear Accelerator (LINAC).

"Dengan MoU yang diperbaharui, IHH Malaysia akan menaja rawatan radioterapi dan radiosurgeri bagi tambahan 500 pesakit kanser yang menjalani rawatan di hospital KKM mulai 1 Mac 2024," katanya.

Sebelum ini, beberapa pakar kesihatan meramalkan penghidap kanser di Malaysia bakal meningkat dua kali ganda menjelang tahun 2040.

Statistik menunjukkan, terdapat kira-kira 48,639 penghidap kanser baharu dan 29,530 kematian akibat kanser dilaporkan pada tahun 2020.

Sementara itu, Dr. Dzulkefly berkata, tiga buah hospital di bawah IHH Healthcare akan terlibat dalam program itu ialah Hospital Pantai, Hospital Glen Eagles dan Pusat Perubatan Prince Court.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : DALAM NEGERI

500 pesakit kanser bakal terima rawatan percuma



DR. Dzulkefly Ahmad (tiga dari kiri) ketika membuat lawatan kerja di Hospital Gleneagles, Kuala Lumpur. - UTUSAN/AMARULLAH ZAINUZZAMAN

KUALA LUMPUR: 500 pesakit kanser dari hospital kerajaan bakal menerima rawatan secara percuma di hospital swasta di bawah IHH Healthcare Berhad.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, persetujuan itu dicapai dalam Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan IHH Healthcare.

Katanya, pesakit akan dikenal pasti oleh pakar KKM yang ditetapkan untuk menerima rawatan di tujuh hospital IHH Malaysia yang dilengkapi dengan mesin Gamma Knife dan Linear Accelerator (LINAC).

"Dengan MoU yang diperbaharui, IHH Malaysia akan menaja rawatan radioterapi dan radio-



Pakar kesihatan meramalkan penghidap kanser di Malaysia bakal meningkat dua kali ganda menjelang tahun 2040."

surgeri bagi tambahan 500 pesakit kanser yang sedang menjalani rawatan di hospital KKM mulai 1 Mac ini," katanya semasa berucap pada majlis menandatangani MoU itu di sini, semalam.

Terdahulu, beberapa pakar kesihatan meramalkan penghidap kanser di Malaysia bakal meningkat dua kali ganda menjelang tahun 2040.

Statistik menunjukkan, terdapat kira-kira 48,639 penghidap kanser baharu dan 29,530 kematian akibat kanser dilaporkan pada tahun 2020.

Dalam pada itu, Dr. Dzulkefly berkata, tiga buah hospital di bawah IHH Healthcare akan terlibat dalam program itu ialah Hospital Pantai, Hospital Gleneagle dan Pusat Perubatan Prince Court.

Beliau juga menjelaskan MoU tersebut turut menyokong pelan Strategik Kawalan Kanser Kebangsaan (2021-2025) untuk meluaskan akses kepada penjagaan dan rawatan bagi pesakit kanser di negara ini.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION / NEWS

SATURDAYS, PUBLIC HOLIDAYS

LOCUM ALLOWANCE SET AT RM80 PER HOUR

Medical officers working on Sundays at three Selangor health clinics also eligible

HAKIM MAHARI
KUALA LUMPUR
hakimmahari@nst.com.my

MEDICAL officers instructed to work on Saturdays and public holidays will receive a locum allowance of RM80 per hour.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, in announcing the decision, said the payments would commence immediately.

"The issue of locum allowance for doctors working overtime has been addressed, with approval for a rate of RM80 per hour.

"This is good news that I want to

convey to the media," he said at a press conference yesterday.

Besides medical officers who are required to work on Saturdays and public holidays, those on duty on Sundays, from 9am to 1pm, at three government health clinics in Selangor are also eligible for the allowance.

Previously, the ministry was reported as saying that a pilot project implemented last year to extend the operating hours of health clinics near hospitals had been reviewed, and that the request by medical officers to continue receiving the locum allowance was under consideration.

On another matter, Dr Dzulke-

fly said investigations would be conducted into the alleged presence of endocrine-disrupting chemicals (EDCs) in cosmetics and personal care products.

"We will certainly take this issue seriously because ultimately, these products can affect public health, especially since EDCs have the potential to disrupt the hormonal system.

"The use of these products can have both acute and long-term effects. We will thoroughly investigate."

His response follows calls by the Penang Consumer Association (CAP) for stricter law enforcement related to cosmetics and personal care products containing EDCs.

CAP president Mohideen Kader had emphasised the need for the government to promptly address the issue and urged regula-



Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad says medical officers will receive a locum allowance of RM80 an hour.
PIC BY EIZAIRI SHAMSUDIN

tory bodies to take swift action through enforcement.

This was after 32 samples of cosmetics and personal care products for children — hand wash, body wash, deodorants, toothpaste, mouthwash, feminine wash and baby wipes — were found to contain EDCs.

The tests were conducted with the assistance of the Wonjin Institute for Occupational and Environmental Health in South Korea.

The study was presented at a conference in Seoul, involving non-governmental organisations, including groups from Malaysia.

It was found that Malaysia had

the highest percentage of incorrect labels of ingredients among the eight participating countries, with more than half of the samples showing inaccuracies.

Parabens, a type of EDC, are commonly used in cosmetics to prevent spoilage.

These preservatives help extend the shelf life of products by inhibiting the growth of bacteria and mould.

However, some studies suggest parabens may interfere with hormones and could potentially be harmful, leading to fertility problems, adverse birth outcomes and even cancer.

Additionally, they can cause skin irritation.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Locums to be paid immediately

KUALA LUMPUR: The allowance for locums in public healthcare facilities is to be paid immediately and retained at RM80 per hour, says Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

He said the matter that had caused distress among doctors who do locum hours at public healthcare facilities is now resolved.

"We have finally received approval from the government to pay all doctors who put in locum hours at public healthcare facilities to be paid RM80 per hour immediately.

"This is good news and the payments will be processed immediately. We consider this matter resolved with this announcement," Dzulkefly said after witnessing the signing of a memorandum of understanding between the Health Ministry and IHH Healthcare to extend care to 500 cancer patients in the latter's hospitals nationwide.

Previously, doctors who did locum at public healthcare facilities had lamented that they were not getting their dues despite the extra hours on Saturdays and public holidays.

The ministry stated last year that these officers who were ordered to be on duty on Saturdays and public holidays were eligible for locum allowance. Those who work on Sundays between 9am and 1pm could apply for leave replacement with the approval of their department heads.



AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NATION

Don't impose SST on physiotherapy, govt urged

By TEH ATHIRA YUSOF
tehathirayusof@thestar.com.my

PETALING JAYA: Physiotherapy should also be exempted from the Sales and Service Tax (SST), says prominent physiotherapist Datuk Dr BS Bains.

The founder and director of BainsPhysio said the government should consider exempting such treatments from the 8% SST as it could alleviate the financial burden of patients.

"I urge the Finance Ministry to consider exempting physiotherapy treatments and services provided by private clinics and hospitals," he said in an interview.

On Feb 20, the government rescinded its decision to impose the SST on traditional and complementary medicine (T&CM) ser-

vices from March 1 to prioritise an accessible healthcare system for the people.

Dr Bains said he had written to the government to consider his proposal following the decision to exempt T&CM services from the SST. He said if the SST was to be imposed on physiotherapy, it would drive some patients to general hospitals.

"This may pose a risk to their well-being as they have to wait longer for appointments since public healthcare facilities are already burdened.

"We are part and parcel of the healthcare system and can ease the burden on general hospitals.

"For example, patients with frozen shoulders can be treated with several sessions, but their condition could worsen if their therapy

sessions are set two months apart at public health centres.

"Imposing the SST would affect many individuals, particularly those with limited finances, such as the elderly," he said, adding that those deprived of jobs due to chronic conditions like stroke may be deterred from seeking urgent treatment due to the cost.

Dr Bains, who is also the former president of the Malaysian Physiotherapy Association, said physiotherapy is crucial to the holistic treatment and rehabilitation of patients as it could assist in the restoration of mobility, functionality and overall quality of life for individuals recovering from injuries, surgery or chronic conditions.

In recent years, he said there has been a growing recognition of

the field as it plays an integral role in medicine, encompassing a wide range of specialities from orthopaedic injuries to neurology, paediatrics and geriatrics.

"With the government's commitment to enhance public health, it is imperative that barriers to accessing physiotherapy services are minimised.

"Furthermore, considering the diverse range of conditions and patients served by physiotherapists, exempting such services from the SST aligns with the government's objective of ensuring equitable access to healthcare for all," he added.

Dr Bains also urged the government to consider offering subsidies for the elderly in nursing homes who are attending physiotherapy sessions.